



# BUKU PANDUAN

## MAJLIS KONVOKESYEN KE - 5

### POLITEKNIK TAWAU SABAH

### TAHUN 2024



**PANDUAN PARA GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-5  
POLITEKNIK TAWAU SABAH TAHUN 2024**

**1. PENYERTAAN KONVOKESYEN PTS**

- a) Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:
- Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen.
  - Memberi maklum balas Borang Pengesahan Pembayaran & Kehadiran sebelum 25 Ogos 2024.
- b) Para graduan hanya perlu melengkapkan pautan maklum balas Borang Pengesahan Pembayaran dan Kehadiran di pautan: [https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSci3Y8uMisMzYr7\\_PSGo4\\_3Rs8K-2C9poEC3nGxldzmZgHhAA/viewform](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSci3Y8uMisMzYr7_PSGo4_3Rs8K-2C9poEC3nGxldzmZgHhAA/viewform)
- c) Graduan yang hadir **MESTI** mengikut sesi berikut:
- Kajian Pengesanan Graduan dan Pengambilan Jubah Konvo (6 September 2024/ 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari)
  - Raptai Konvokesyen (6 September 2024/ 2.00 petang hingga selesai)
  - Majlis Konvokesyen (7 September 2024/ 8.00 pagi - 12.00 tengah hari)

**2. BAYARAN KONVOKESYEN PTS KALI KE – 5**

- a) Jumlah bayaran ini merangkumi bayaran pengurusan konvokesyen dan bayaran alumni graduan:
- Jumlah bayaran RM177.00 (Bagi graduan yang memilih untuk **HADIR**)
  - Jumlah bayaran RM50.00 (Bagi graduan yang memilih untuk **TIDAK HADIR**)
- b) Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **MAYBANK** atas nama **KOPERASI POLITEKNIK TAWAU SABAH BERHAD** nombor akaun **560241023240**

c) Pembayaran melalui **PERBANKAN INTERNET (ONLINE BANKING)** sahaja yang dibenarkan. Maklumat pembayaran adalah seperti berikut:

- *Reference 1:* **NAMA PELAJAR**
- *Reference 2:* **KONVO KE5**

Nota: Sila CETAH dan SIMPAN resit pembayaran sebagai bukti pembayaran

d) Cetak 2 Salinan slip pembayaran **MAYBANK:**

Salinan 1: Muat naik (*upload*) bersama **BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN** di pautan yang diberikan.

Salinan 2: Simpanan Graduan

Nota: Salinan 2 bagi tujuan pengambilan jubah.

e) Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh Unit Peperiksaan PTS sehingga bayaran dijelaskan.

### **3. PENDAFTARAN GRADUAN**

- a) Pendaftaran graduan dibuat sebelum acara raptai bermula.
- b) Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- c) Jadual Pendaftaran, Raptai dan Majlis Konvokesyen (Lampiran 1)

### **4. RAPTAI KONVOKESYEN**

- a. Raptai Majlis Konvokesyen Ke-5 adalah **WAJIB** dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- b. Raptai ini akan diadakan di **Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT** selepas selesai proses pengambilan jubah graduan.

## 5. MAJLIS KONVOKESYEN

- a) Graduan dikehendaki hadir lebih awal selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.
- b) Semasa majlis berlangsung, graduan, ibubapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- c) Graduan, ibubapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- d) Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan “**PAS MASUK DEWAN KE MAJLIS KONVOKESYEN**”. Hanya dibenarkan untuk **DUA** orang tetamu dewasa sahaja.
- e) Dewan adalah berhawa dingin, ibubapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian yang bersesuaian dengan majlis.

## 6. SAHSIAH DAN RUPA DIRI GRADUAN

- a) Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran dan Acara Raptai
- Graduan Lelaki
    - i. Baju kemeja lengan panjang/pendek dan seluar *slack* serta kasut kulit.
    - ii. Graduan **DILARANG TEGAS** memakai “*Jeans*”, selipar, capal, dan ‘*T-shirt*’ tanpa kolar semasa mendaftar.
    - iii. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek. Graduan yang berambut panjang, berekor atau diwarnakan dilarang untuk mendaftar diri untuk raptai seterusnya tidak dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.
  - Graduan Wanita
    - i. Baju kurung tradisional/kebaya labuh/kebarung ATAU *blouse* dan seluar *slack/skirt* yang melepasi paras lutut (**bagi pelajar bukan Islam sahaja**)
    - ii. Graduan **DILARANG TEGAS** memakai pakaian jarang, tidak sopan, ketat atau mendedahkan.

iii. Kasut hendaklah jenis bertutup atau bertali belakang. Sandal **TIDAK DIBENARKAN.**

b) Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen

- Graduan Lelaki

- i. Memakai jubah yang disediakan oleh pihak Politeknik Tawau Sabah.
- ii. Baju Melayu berwarna hitam, bersamping sebarang corak dan warna, **ATAU Lounge Suit** (Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, seluar slack warna hitam, blazer warna hitam dan bertali leher).
- iii. Graduan mestilah berambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan.
- iv. Berkasut kulit berwarna hitam sahaja.

- Graduan Wanita

- i. Memakai jubah yang disediakan oleh pihak Politeknik Tawau Sabah.
- ii. Graduan wanita dibenarkan memakai Baju Kurung Tradisional atau Kebaya Labuh atau Kebarung warna bebas (**kain berbelah adalah dilarang**) dan hendaklah mengenakan tudung berwarna krim atau putih **ATAU** blouse warna serba putih/krim dan skirt warna gelap yang melepasi paras lutut (**bagi pelajar yang bukan beragama Islam sahaja**).
- iii. Graduan wanita adalah **DILARANG** memakai seluar panjang.

c) Kasut

- i. Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal, capal** atau **kasut jenis sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- ii. Penggunaan kasut kulit berwarna hitam adalah bagi graduan lelaki.
- iii. Graduan wanita hendaklah memakai kasut bertutup penuh berwarna hitam dan bertumit (ketinggian tumit 1-2 inci)

## 7. URUSAN PENDAFTARAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN & JUBAH

- a) Peminjaman Jubah
  - i. Salinan slip bayaran perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Graduan semasa peminjaman dibuat.
  - ii. Graduan dikehendaki melengkapinya bersama **BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN**. Bawa Bersama untuk urusan peminjaman dan pemulangan jubah.
  - iii. Sila rujuk jadual dibawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	TINDAKAN	TEMPAT
06 September 2024 (Jumaat)	10.00 Pagi – 12.00 tengah hari	Kajian Pengesanan Graduan	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT
	10.00 Pagi – 11.00 Pagi	Pengambilan Jubah	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT

- b) Pemulangan Jubah
  - i. Jubah hendaklah dipulangkan sebaik Majlis Konvokesyen tamat.
  - ii. Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan sijil dan transkrip ditahan oleh Unit Peperiksaan.
  - iii. Jubah yang hilang atau rosak akan dikenakan bayaran ganti rugi sebanyak RM300.00 setiap satu.
  - iv. Sila rujuk jadual dibawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	TEMPAT
7 September 2024 (Sabtu)	Selepas Majlis Konvokesyen (Sebelum Jam 1.00 Petang)	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT

## 8. PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP

- i. Graduan boleh mengambil sijil dan transkrip di kaunter sebaik sahaja jubah konvokesyen dipulangkan.
- ii. Sijil dan transkrip yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PTS. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di Unit Peperiksaan PTS. Sila hubungi 089-950500.

**PERINGATAN:** Sijil dan Transkrip hanya boleh diambil sekiranya proses pemulangan jubah selesai.

## 9. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

- i. **SATU (1)** keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk **DUA (2)** orang dewasa sahaja (ibubapa atau penjaga). Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk. Sila download dan cetak pas masuk melalui pautan ini [https://politawau.mypolycc.edu.my/images/docs/Konvo5\\_PTS\\_Pas\\_Masuk\\_Dewan\\_Ibubapa-Penjaga.pdf](https://politawau.mypolycc.edu.my/images/docs/Konvo5_PTS_Pas_Masuk_Dewan_Ibubapa-Penjaga.pdf)
- ii. Ibubapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing 30 minit sebelum majlis bermula pada hari majlis konvokesyen.
- iii. Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PTS memohon maaf sekiranya terdapat ahli keluarga graduan yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- iv. Ibubapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.
- v. Mohon kerjasama ibubapa atau penjaga agar tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.

## 10. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- i. Syarikat luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.

- ii. Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu dilarang mengambil gambar di dalam dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

#### **11. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN**

- i. Pihak PTS tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- ii. Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya tidak membawa masuk ke dalam dewan seperti makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- iii. Sila matikan atau tukar kepada Mod Senyap (*Silent Mode*) sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, *tablet* dan lain-lain.

#### **12. KUASA POLITEKNIK TAWAU SABAH**

- i. Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- ii. Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah Muktamad.
- iii. Justeru itu, pihak PTS memohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

#### **13. PENGINAPAN**

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PTS tidak menyediakan sebarang penginapan.

## 14. HAL-HAL LAIN

Sila hubungi Pegawai berikut jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan:

### **JK Jemputan & Pemandu Graduan:**

1. Puan Alinda anak Minsion (No. Tel: 016-8908720)
2. Melly Elka binti Pit Lee (No. Tel: 014-8727237)

### **JK *Tracer Study* & Alumni:**

1. Encik Erwin bin Mohd Rapi (No. Tel: 016-996 4872)
2. Dr. Dicky Wiwittan bin Toto Ngadiman (No. Tel: 013-8200835)

### **JK Jubah:**

1. Audrey Fiona Kinson (No. Tel: 014-3760048)
2. Aiany Nur binti Kinas (No. Tel: 014-9552117)

**Sebarang urusan surat menyurat, sila hantar kepada alamat berikut:**

Pengarah,  
Politeknik Tawau Sabah,  
KM 36, Jalan Apas Balung,  
91009 Tawau  
SABAH.  
(u.p: Jawatankuasa Pengurusan Graduan)

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik Tawau Sabah di <https://politawau.mypolycc.edu.my/> untuk muat turun dokumen yang berkaitan dan maklumat jika terdapat sebarang perubahan maklumat.

**“TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”**

**JADUAL PENDAFTARAN, RAPTAI DAN KONVOKESYEN KE – 5 PTS 2024**

<b>Tarikh/ Hari/ Masa</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempat</b>
6 Sept 2024 (Jumaat) (10.00 am – 12.00 pm)	Pendaftaran Kajian Pengesahan Graduan	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT
6 Sept 2024 (Jumaat) (12.00 pm – 1.00 pm)	Pengambilan Jubah Konvokesyen	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT
6 Sept 2024 (Jumaat) (2.00 pm – selesai)	Pendaftaran Konvokesyen Graduan dan Majlis Raptai	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT
7 Sept 2024 (Sabtu) (09.00 am – 12.00 pm)	Sidang Majlis Konvokesyen Ke – 5 berlangsung	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT
7 Sept 2024 (Sabtu) (Sebelum jam 1.00pm)	Pemulangan Jubah Konvokesyen	Dewan Datuk Amir Bek, IPGKT

## SENARAI SEMAK BORANG KONVOKESYEN KE-5 PTS 2023

BIL	NAMA BORANG/ DOKUMEN	CATATAN
1	Buku Panduan Majlis Konvokesyen ke - 5 Politeknik Tawau Sabah 2024	Muat turun & Cetak di <a href="https://politawau.mypolycc.edu.my">https://politawau.mypolycc.edu.my</a>
2	Maklum balas Borang Pengesahan Pembayaran dan Kehadiran Majlis Konvokesyen ke - 5 Politeknik Tawau Sabah 2024 di pautan <a href="https://forms.gle/MriRYSRtjP2pga6U6">https://forms.gle/MriRYSRtjP2pga6U6</a>	Maklum balas di pautan. Cetak dan bawa semasa ambil jubah
3	Pas Masuk Dewan Ibu bapa Graduan Majlis Konvokesyen ke - 5 Politeknik Tawau Sabah 2024	Disertakan Bersama surat jemputan konvokesyen. (Sila bawa pada hari konvokesyen)

**NOTA:** Semua Borang dan dokumen diatas boleh di layari di Portal Rasmi PTS di <https://politawau.mypolycc.edu.my>